



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HEBAHAN IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL
MALAYSIA SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAMME (MySTEP)**

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi memohon jawatan berikut :

1. PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP SETARAF DIPLOMA/SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA (STPM)

JAWATAN	:	PERSONEL MySTEP (SETARAF DIPLOMA/STPM)
SYARAT KELAYAKAN	:	- SIJIL SENI BINA / DIPLOMA SENI BINA YANG DIKTIRAF OLEH KERAJAAN ATAU KELAYAKAN YANG DIKTIRAF SETARAF DENGANNYA ATAU - SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA ATAU KELAYAKAN YANG DIKTIRAF SETARAF DENGANNYA OLEH KERAJAAN.
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK (MALAYSIA SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAMME)
TEMPOH LANTIKAN	:	SEHINGGA DISEMBER 2026
BILANGAN KEKOSONGAN	:	ENAM (6)
KADAR UPAH	:	RM2,100.00 SEBULAN
KEUTAMAAN	:	MENETAP DI JOHOR BAHRU
KEMUDAHAN	:	CUTI REHAT, CUTI SAKIT, CARUMAN KWSP & PERKESO

2. PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP SETARAF SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

JAWATAN	:	PERSONEL MySTEP (SETARAF SPM)
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK (MALAYSIA SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAMME)
TEMPOH LANTIKAN	:	SEHINGGA DISEMBER 2026
BILANGAN KEKOSONGAN	:	DUA PULUH DUA (22)
KADAR UPAH	:	RM1,900.00 SEBULAN
KEUTAMAAN	:	MENETAP DI JOHOR BAHRU
KEMUDAHAN	:	CUTI REHAT, CUTI SAKIT, CARUMAN KWSP & PERKESO

3. **SYARAT LANTIKAN :**

1. **Warganegara Malaysia**

2. Berumur tidak kurang daripada **18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan.
3. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Berkebolehan menggunakan Microsoft Office dalam melaksanakan tugas-tugas meliputi merekod database, fail-fail dan lain-lain.
5. Boleh bekerja dibawah pengawasan yang minimum dan menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan.

4. **DESKRIPSI TUGAS PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP (SETARAF DIPLOMA/STPM) :
PENEMPATAN : JABATAN BANGUNAN (JUMLAH : 6 - JAWATAN PERSONEL MySTEP)**

- Menjalankan proses semakan kelulusan permohonan, Siasatan Tapak, ulasan bertulis mengikut senarai semak permohonan
- Proses penyediaan prosuder pematuhan.
- Menyemak dan mengesyorkan kelulusan permohonan pelan
- Menyelaraskan keperluan mesyuarat Jawatankuasa OSC sebagai Urusetia Jabatan Kawalan Bangunan
- Menguruskan prosuder kelulusan Jawatankuasa OSC
- Merekod data GIS Bangunan, Statistik Data GIS Bangunan dalam sistem GIS MBBJ
- Mengedar data GIS untuk kegunaan dalaman atau luaran MBBJ

5. **DESKRIPSI TUGAS PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP (SETARAF SPM) :
PENEMPATAN : JABATAN PELESENAN (JUMLAH : 11 - JAWATAN PERSONEL MySTEP)**

A. ZON TRED & PERNIAGAAN

- i) Pengurusan dokumen dan fail bagi proses pembatalan fail dan lesen
- ii) Proses pemutihan data lesen aktiviti perniagaan premis makanan & minuman / restoran
- iii) Proses pemutihan data lesen aktiviti industri

B. ZON PENTADBIRAN, PERMIT & IKLAN

- (i) Pengurusan dokumen dan fail bagi proses permohonan permit sementara khemah / promosi / karnival / acara
- (ii) Program pengurusan dokumen dan fail mesyuarat

C. ZON R&D / TASKFORCE

- i) Pengurusan dokumen, fail & sistem bagi dasar pelesenan
- ii) Pemutihan lesen di premis milik mbjb
- iii) Menambahbaik syarat papan iklan premis/iklan luaran – pemerksaan tulisan jawi dan syarat penggunaan bahasa ketiga yang lain

D. ZON PENJAJA & PENGURUSAN LESEN ANJING

- i) Pengurusan dokumen, fail & sistem bagi bahagian penjaja dan pengurusan lesen anjing
- ii) Menyediakan / menambahbaik kawasan pemusatan penjaja
- iii) Meningkatkan kesedaran awam kepentingan mengelakkan penyakit berjangkit

6. DESKRIPSI TUGAS PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP (SETARAF SPM) : PENEMPATAN : UNIT HENTIAN SETEMPAT(OSC)(JUMLAH : 3 - JAWATAN PERSONEL MySTEP)

1. Urusetia Permohonan Pembangunan

- i) Menerima dan menyemak permohonan pembangunan tanah, kebenaran merancang, pelan bangunan, pelan infrastruktur, pelan utiliti, permohonan CFO dan CCC, pelan landskap, permit sementara serta permohonan pembangunan tanah di bawah peruntukan Seksyen 124A dan 204D KTN dengan merujuk senarai semak permohonan.
- ii) Meneliti permohonan yang diterima memenuhi kehendak asas atau syarat-syarat yang ditetapkan.
- iii) Membuat edaran permohonan cadangan pemajuan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan untuk diproses dan diberi ulasan serta pandangan.
- iv) Memantau permohonan-permohonan yang telah diedar kepada jabatan teknikal.
- v) Memaklumkan kepada Jawatankuasa Pusat Setempat mengenai permohonan yang telah diterima.
- vi) Mendapatkan maklumbalas lanjut daripada jabatan

DESKRIPSI TUGAS PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP (SETARAF SPM) :

PENEMPATAN : JABATAN KEJURUTERAAN (JUMLAH : 8 - JAWATAN PERSONEL MySTEP)

1. PENGURUSAN DATA GIS JALAN

- Mengisi dan mengemaskini data jalan dalam sistem GIS meliputi nama jalan, panjang jalan, jenis binaan, bilangan lorong, lebar jalan, bahu jalan, pembahagi jalan dan kategori jalan.

2. PENGURUSAN DATA SALIRAN GIS

- Mengisi dan mengemaskini data sistem perparitan tepi jalan dan saliran utama termasuk lokasi, panjang, jenis binaan, saiz dan kategori saliran.

3. PENGURUSAN SISTEM MARRIS

- Mengemaskini data jalan bagi kawasan sedia ada dan baharu ke dalam sistem MARRIS selaras keperluan pelaporan jabatan.

4. PENGURUSAN NAMA JALAN DAN TAMAN

- Merekod, menyusun dan menyelenggara rekod kelulusan nama taman dan nama jalan termasuk pelan berkaitan.

5. PENGURUSAN SISTEM OSC ONLINE

- Merekod ulasan, memuat turun dan menyelenggara dokumen berkaitan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Permit Sementara dan Pelan Infrastruktur mengikut prosedur OSC 3.0 PLUS.

6. PENGURUSAN DOKUMEN INFRASTRUKTUR

- Merekod, mengecap dan memfail pelan kelulusan Pelan Kerja Tanah, Pelan Saliran dan Pelan Jalan dan Perparitan.

7. CARA MEMOHON :

Calon yang berminat hendaklah mengisi Borang Permohonan MySTEP Majlis Bandaraya Johor Bahru melalui pautan link <https://tinyurl.com/PermohonanJawatanMyStep> . **Tarikh Tutup Permohonan 14 Mei 2026 (Khamis).**

8. **CATATAN AM :**

- (a) Hanya calon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temuduga dan akan dimaklumkan melalui panggilan telefon atau emel.
- (b) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan dan temuduga jawatan ini adalah tanggungan sendiri.
- (c) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 1 Julai 2026 adalah dianggap tidak berjaya.
- (d) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat seperti dalam iklan akan **ditolak serta merta.**



(DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Tarikh :
Rujukan : MBBJ/U/2010/02/PJW/3/8